

ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK PROGRAM LALUAN PANTAS (FAST TRACK)

NEEDS ANALYSIS FOR THE DEVELOPMENT OF AN ARABIC LANGUAGE MODULE FOR THE FAST TRACK PROGRAM

Nur Afifah Fadzil*

Jabatan Bahasa Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Al-Quran dan Sunnah,
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)
Taman Seberang Jaya Fasa 3,
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

Afifah Zainal Abidin

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum,
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)
Taman Seberang Jaya Fasa 3,
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

Wan Syatirah Wan Shahrudin

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum,
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)
Taman Seberang Jaya Fasa 3,
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

Muhamad Zamri Abdul Gani

Arabic Language and Literature Department,
International Islamic University Malaysia (IIUM),
Gombak campus, P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

**Corresponding Author's Email: nurafifahfadzil@unisiraj.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 9 October 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Fadzil, N. A., Zainal Abidin, A., Wan Shahrudin, W. S. & Abdul Gani, M. Z. (2025). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Bahasa Arab Untuk Program Laluan Pantas (*Fast Track*). *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 44-55.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneliti keperluan pembangunan modul khusus Bahasa Arab untuk pelajar program laluan pantas (*Fast Track* SPM) yang berhadapan

dengan cabaran kognitif kerana perlu menguasai dua set kandungan serentak (Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima) dalam tempoh singkat sekitar 10 hingga 11 bulan. Tambahan pula, kebanyakan pelajar ini berasal daripada latar belakang sekolah tahfiz tanpa pendedahan formal terhadap matapelajaran Bahasa Arab, sekali gus menambahkan keperluan terhadap intervensi pedagogi yang bersesuaian. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap keperluan pelajar terhadap pembangunan modul pembelajaran Bahasa Arab yang bersifat praktikal, mudah difahami, serta menyokong penguasaan kosa kata, tatabahasa dan kemahiran komunikasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan terhadap 251 orang responden daripada lima institusi yang menawarkan program *Fast Track* SPM. Pemilihan sampel dilakukan secara persampelan bertujuan manakala soal selidik digunakan sebagai instrumen. Data dianalisis secara deskriptif dengan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Pembangunan modul ini berpandukan Model ADDIE, namun perbincangan artikel difokuskan pada fasa analisis keperluan. Dapatan menunjukkan tahap keperluan yang sangat tinggi terhadap pembangunan modul Bahasa Arab, dengan 96.0% responden (241 orang) mengesahkan kepentingan modul yang ringkas, padat dan efektif, khususnya dari aspek panduan penulisan, penguasaan kosa kata dan penjelasan jawapan yang menyeluruh. Kajian ini menyimpulkan bahawa pembangunan modul khusus bukan sahaja dapat menjadi intervensi pedagogi signifikan untuk membantu pelajar laluan pantas menguasai Bahasa Arab dalam jangka masa terhad, bahkan berpotensi dijadikan model rujukan bagi pembangunan modul bahasa untuk kelompok pelajar lain yang mempunyai latar belakang khas, sekali gus mengisi jurang dalam literatur sedia ada.

Kata kunci: bahasa Arab, program laluan pantas SPM, modul pengajaran dan pembelajaran, analisis keperluan, intervensi pedagogi, model ADDIE, pelajar tahfiz

ABSTRACT

This study investigates the urgent need for a specialized Arabic language module tailored for students enrolled in the Fast Track SPM program, who face considerable cognitive demands as they are required to master two sets of curriculum content (Form Four and Form Five) within a compressed timeframe of approximately 10 to 11 months. The challenge is compounded by the fact that many of these students come from tahfiz school backgrounds, with little or no formal exposure to structured Arabic language courses, thereby highlighting the necessity of an appropriate pedagogical intervention. The primary aim of this study is to identify students' needs for a learning module that is practical, accessible, and effective in supporting the acquisition of vocabulary, grammar, and communicative competence. Adopting a quantitative survey design, data were collected from 251 respondents across five institutions offering the Fast Track SPM program, selected through purposive sampling. A questionnaire was employed as the research instrument, and the data were analyzed descriptively using frequency, percentage, mean, and standard deviation. The ADDIE Model provided the overarching framework; however, this article focuses specifically on the needs analysis phase. Findings reveal an overwhelming demand for a structured, concise, and impactful

Arabic language module, with 96.0% of respondents (241 students) affirming its necessity, particularly in areas such as writing guidance, vocabulary reinforcement, and comprehensive answer explanations. The study concludes that the development of such a module would serve not only as a crucial pedagogical intervention to facilitate mastery of Arabic among Fast Track students within a limited timeframe but also as a valuable reference model for designing language modules for other learner groups with distinct educational backgrounds, thereby addressing a significant gap in the existing literature.

Keywords: Arabic Language, Fast Track SPM Program, Teaching and Learning Module, Needs Analysis, Pedagogical Intervention, ADDIE Model, Tahfiz Students

1.0 PENGENALAN

Program Laluan Pantas (*Fast Track* SPM) merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan yang menekankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel, responsif dan berorientasikan hasil. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang lebih singkat berbanding program konvensional (Ahmad & Halim, 2021). Walaupun pendekatan ini dilihat berpotensi untuk mempercepatkan proses penghasilan graduan berkualiti, pelaksanaannya memerlukan penyesuaian kurikulum dan reka bentuk bahan pengajaran, khususnya dalam pengajaran bahasa kedua seperti Bahasa Arab.

Dalam konteks program laluan pantas, pembelajaran bahasa perlu dipadatkan kerana Bahasa Arab mempunyai cabaran tersendiri, terutamanya dari segi morfologi dan struktur sintaksis yang kompleks bagi penutur bukan Arab (Ismail et al., 2019). Oleh itu, modul pembelajaran yang direka khusus untuk memenuhi keperluan program ini adalah sangat penting bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mohd Noor & Zawawi (2020), modul pembelajaran berperanan sebagai alat sokongan utama yang membimbing pelajar melalui kandungan kursus, aktiviti dan penilaian secara sistematik dan berstruktur.

Kajian lepas menunjukkan bahawa analisis keperluan merupakan langkah asas dan kritikal dalam pembangunan modul pembelajaran yang efektif (Hutchinson & Waters, 1987; Brown, 2016). Analisis ini melibatkan penilaian terhadap keperluan pelajar, keperluan institusi, serta kehendak pasaran dan kurikulum. Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab, pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti keperluan pelajar terhadap bahan bantu belajar, tetapi kajian yang memfokuskan kepada keperluan modul dalam konteks laluan pantas masih terbatas (Rahman et al., 2022).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menjalankan analisis keperluan pembangunan modul Bahasa Arab bagi Program Laluan Pantas. Penekanan diberikan kepada keperluan pelajar dari aspek tahap penguasaan bahasa, strategi pembelajaran serta, tempoh masa pembelajaran. Dapatan kajian ini dijangka dapat membantu pembangun kurikulum dan penggubal modul dalam merancang bahan pembelajaran yang lebih tersasar, berkesan dan relevan dengan keperluan sebenar pelajar dalam konteks masa yang terhad dan intensif.

2.0 PEMBANGUNAN MODUL BAHASA ARAB

Pembangunan modul Bahasa Arab di Malaysia telah berkembang berasaskan keperluan pelajar, konteks pembelajaran serta cabaran pendidikan semasa. Nur Afifah et al., (2024) menegaskan bahawa sehingga kini belum ada modul khusus yang dibina untuk pelajar program laluan pantas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini penting kerana majoriti pelajar *Fast Track* SPM datang daripada latar belakang tahfiz dan pondok yang kurang terdedah kepada pembelajaran Bahasa Arab secara formal di bilik darjah. Keadaan ini menimbulkan kesukaran bagi mereka untuk menguasai silibus menengah dalam tempoh yang singkat. Justeru, analisis keperluan merupakan langkah asas yang perlu dilaksanakan sebelum pembangunan modul dijalankan agar modul tersebut benar-benar sesuai dengan tahap pelajar serta berkesan membantu penguasaan kosa kata, tatabahasa dan kemahiran komunikasi.

Nur Afifah et al., (2024) turut menekankan bahawa modul Bahasa Arab yang efektif perlu merangkumi empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Modul juga harus mesra pengguna, sesuai untuk penutur bukan jati, dan mengambil kira kekangan masa pembelajaran yang singkat. Dapatan ini sejajar dengan Abd Rahman et al., (2024) yang membangunkan modul *Marhaban* berasaskan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) tahap A1 dan A2 menggunakan model ADDIE. Hasil kajian membuktikan bahawa modul tersebut praktikal kerana mengintegrasikan kemahiran bahasa secara bersepadu melalui aktiviti yang mesra pelajar.

Dalam konteks kemahiran menulis, Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh (2021) menegaskan bahawa modul penulisan karangan Bahasa Arab memerlukan pendekatan pedagogi yang pelbagai seperti komunikatif, interaktif, eklektik dan terjemahan. Menurut mereka, modul yang padat dengan isi kandungan boleh menjejaskan motivasi pelajar. Oleh itu, bagi pelajar *fast track* yang terikat dengan tempoh persediaan singkat, modul yang ringkas, berfokus dan berstruktur adalah lebih sesuai untuk mencapai hasil pembelajaran yang optimum.

Selain aspek keperluan, kajian lepas turut menyorot pelbagai bentuk modul Bahasa Arab yang telah dibangunkan di Malaysia. Mohd Sukki Othman et al., (2023) membangunkan aplikasi *E-I'jāz* berasaskan kosa kata al-Quran dengan menggunakan model ADDIE. Kajian mereka mendapati tahap kebolehgunaan aplikasi ini berada pada skor min yang tinggi dalam aspek persembahan, isi kandungan, bahasa dan penerimaan pengguna. Dapatan ini juga membuktikan bahawa integrasi teknologi dalam modul pembelajaran bukan sahaja merangsang minat pelajar, malah mampu meningkatkan kefahaman serta memenuhi tuntutan Revolusi Industri 4.0.

Bertepatan dengan itu juga, Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid et al., (2023) menekankan potensi e-modul dalam pembelajaran Bahasa Arab pada era globalisasi. E-modul mampu meningkatkan interaktiviti, memberi fleksibiliti capaian dan menyokong pembelajaran sendiri, sekali gus sangat signifikan untuk pelajar *fast track*. Penekanan ini turut seiring dengan dapatan Nasohah & Abd Ghani (2015) yang menegaskan bahawa model ADDIE merupakan kerangka reka bentuk sistematik yang efektif dalam menghasilkan modul pembelajaran yang relevan dengan keperluan pelajar.

Aspek kemahiran bertutur turut menjadi tumpuan dalam kajian Yazid et al. (2024) yang menekankan bahawa modul elektronik dapat menyediakan platform interaktif dan fleksibel untuk melatih pelajar meningkatkan kecekapan bertutur. Modul sebegini amat sesuai untuk pelajar *fast track* kerana mereka memerlukan latihan intensif dalam masa yang singkat.

Selain itu, kajian di peringkat awal pendidikan turut memberi implikasi penting. Fathinah et al. (2024) menekankan keberkesanan modul interaktif Tahun 1 Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang menggunakan aktiviti multimedia serta strategi pengajaran menyeronokkan. Walaupun konteksnya berbeza, pendekatan ini relevan untuk diteladani kerana ia menekankan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran.

Dari segi kerangka konseptual, Ibrahim & Baharum (2021) pula menegaskan bahawa modul pengajaran bahasa al-Quran untuk masyarakat awam perlu menyeimbangkan antara ilmu naqli dan aqli. Modul berasaskan al-Quran ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat pedagogi, malah memberi nilai tambah rohani yang dapat memperkukuh penguasaan Bahasa Arab.

Akhir sekali, Nurul Anisa Abdul Aziz & Zarima Mohd Zakariaa (2024) menunjukkan bahawa modul pembelajaran aktif untuk murid sekolah rendah amat berkesan dalam meningkatkan keterlibatan murid serta menyokong keberkesanan PdP guru. Walaupun berbeza konteks dengan pelajar *fast track*, dapatan ini menegaskan bahawa analisis keperluan adalah asas penting dan utama dalam semua pembangunan modul Bahasa Arab.

3.0 PENYATAAN MASALAH

Keterbatasan pengetahuan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar program laluan pantas berpotensi menjejaskan tahap penguasaan mereka terhadap bahasa tersebut. Di samping itu, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang menyerupai kurikulum arus perdana di sekolah menengah mungkin menimbulkan beban kognitif, memandangkan pelajar perlu mengulangkaji dua set kandungan serentak, iaitu Bahasa Arab tingkatan empat dan tingkatan lima. Keadaan ini bukan sahaja boleh mengurangkan keberkesanan pembelajaran, malah berisiko menjejaskan motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa tersebut. Justeru, penyediaan modul khusus yang bersesuaian dapat berfungsi sebagai intervensi pedagogi yang berupaya menyokong serta mempermudah proses penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tersebut. Hal ini amat penting memandangkan mereka perlu memahami keseluruhan sukatan tersebut dalam tempoh persediaan yang singkat, iaitu sekitar 10 hingga 11 bulan (Nur Afifah et al., 2024). Modul yang terancang berpotensi membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab mereka serta memastikan pencapaian akademik berada pada tahap optimum.

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, sehingga kini belum terdapat modul Bahasa Arab yang dibangunkan secara khusus untuk pelajar program laluan pantas (*Fast Track* SPM). Sebahagian besar pelajar ini tidak memiliki pendedahan formal terhadap kursus Bahasa Arab memandangkan mereka berasal daripada latar belakang sekolah tahfiz. Oleh itu, pembinaan sebuah modul khas yang disesuaikan dengan keperluan golongan ini adalah penting bagi membantu mereka menguasai Bahasa Arab, termasuk aspek penguasaan kosa kata, tatabahasa dan kemahiran

komunikasi. Namun demikian, sebelum modul tersebut dibangunkan, proses analisis keperluan perlu dilaksanakan bagi memastikan kesesuaiannya dengan konteks dan tahap pelajar. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan membentangkan tinjauan awal berkaitan analisis keperluan modul Bahasa Arab untuk pelajar program laluan pantas *Fast Track* SPM.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini bertujuan mengenal pasti keperluan pembinaan modul Bahasa Arab untuk pelajar program laluan pantas Sijil Pelajaran Malaysia (*Fast Track* SPM).

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Populasi kajian ini adalah bersifat homogen, iaitu terdiri daripada individu yang tergolong dalam latar belakang yang sama iaitu pelajar lepasan tahfiz yang mengambil program laluan pantas SPM. Pendekatan persampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan kerana ia membolehkan pemilihan responden secara khusus berdasarkan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh pengkaji. Kesemua responden mempunyai latar belakang yang sama iaitu pelajar laluan pantas (*Fast Track* SPM) yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia melibatkan 251 orang responden dari lima buah institusi yang menawarkan program *Fast Track* SPM ini. Institusi-institusi tersebut ialah Akademi Lembah Ilmu (AKLI), USAS Bridging Centre (UBC), Maahad Tahfiz As-Saidiyyah (MTS), Tahfiz Bestari Universiti Islam Melaka (TB) dan Smart Tahfiz UCYP (ST). Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Dapatan yang diperoleh daripada set soal selidik dihuraikan dan dipersembahkan secara deskriptif dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Perincian responden adalah seperti berikut:

Jadual 1: Taburan responden


Institusi	Kekerapan	Peratus (%)
Akademi Lembah Ilmu	99	39.4
USAS Bridging Centre	82	32.7
Maahad Tahfiz As-Saadiayh	28	11.2
Tahfiz Bestari	26	10.4
Smart Tahfiz	16	6.4
Jumlah	251	100.0

Sumber: Data Soal Selidik 2025

6.0 KERANGKA TEORI

Pembinaan sesuatu modul hendaklah berlandaskan teori atau model yang relevan bagi memastikan keberkesanan penggunaannya. Dalam konteks ini, pembangunan modul Bahasa Arab bagi *Fast Track* SPM berteraskan model ADDIE sebagai kerangka reka bentuk utama. Model ADDIE berfungsi sebagai panduan sistematik dalam mereka bentuk, membangunkan dan menilai bahan pengajaran serta pembelajaran berdasarkan keperluan yang telah dikenalpasti.

Secara umumnya, model ADDIE merangkumi lima fasa utama, iaitu Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*). Walau bagaimanapun, perbincangan dalam kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada fasa pertama, iaitu analisis keperluan. Rajah 1 memaparkan gambaran keseluruhan proses pembinaan modul berdasarkan model ADDIE.



Rajah 1: Model ADDIE

Pembangunan modul ini berada pada fasa pertama iaitu analisis keperluan. Pada fasa ini, keperluan pembinaan modul ini dikenal pasti menerusi soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terlibat bagi mendapatkan maklumat dan data yang jitu (Nur Afifah Fadzil et al., 2024)

7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam membina sesebuah modul, seharusnya pembina modul mengenal pasti keperluan pembinaannya dengan berpandukan teori dan model yang sesuai. Berikut merupakan dapatan bagi keperluan modul Bahasa Arab *Fast Track* SPM. Seramai 251 orang responden melibatkan lima institusi terlibat dalam kajian keperluan ini. Jadual 2 menunjukkan taburan data secara deskriptif bagi keperluan modul Bahasa Arab FT SPM.

Jadual 2: Taburan responden keperluan modul Bahasa Arab

Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Min	Sisihan Piawai
Saya memerlukan modul yang membantu saya memahami tatabahasa Arab dalam masa yang singkat dan padat.	168 (66.9%)	71 (28.3%)	9 (3.6%)	2 (0.8%)	1 (0.4%)	4.57	0.673
Saya memerlukan modul yang menekankan kosa kata yang sesuai untuk diaplikasikan dalam penulisan jawapan.	152 (60.6%)	82 (32.7%)	15 (6.0%)	2 (0.8%)	-	4.61	0.639
Saya memerlukan modul yang boleh digunakan untuk ulang kaji sendiri.	159 (63.3%)	76 (30.3%)	11 (4.4%)	3 (1.2%)	2 (0.8%)	4.53	0.647
Saya memerlukan panduan cara menulis ayat Bahasa Arab mudah.	43 (17.1%)	116 (46.2%)	72 (28.7%)	13 (5.2%)	7 (2.8%)	4.54	0.711
Saya memerlukan latihan interaktif dalam modul.	133 (53.0%)	87 (34.7%)	24 (9.6%)	5 (2.0%)	2 (0.8%)	4.37	0.801
Saya memerlukan modul yang ringkas dan padat.	169 (67.3%)	67 (26.7%)	12 (4.8%)	3 (1.2%)	-	4.60	0.639
Saya memerlukan modul yang disertakan jawapan dan penerangan lengkap.	179 (71.3%)	60 (23.9%)	8 (3.2%)	4 (1.6%)	-	4.65	0.623
Saya memerlukan panduan menulis karangan Bahasa Arab secara langkah demi langkah.	177 (70.5%)	64 (25.5%)	8 (3.2%)	2 (0.8%)	2 (0.8%)	4.66	0.581

Sumber: Data Soal Selidik 2025

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai keperluan yang sangat tinggi terhadap pembangunan modul Bahasa Arab yang bersifat praktikal, mudah difahami, dan membantu meningkatkan penguasaan dalam masa yang singkat. Item yang mendapat min tertinggi ialah “Saya memerlukan panduan menulis karangan Bahasa Arab secara langkah demi langkah”, dengan nilai min 4.66 dan 70.5% pelajar sangat setuju. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar benar-benar memerlukan sokongan berbentuk panduan yang sistematik dan mudah diikuti, khususnya dalam penulisan karangan yang biasanya dianggap sukar.

Item kedua tertinggi dari segi min ialah “Saya memerlukan modul yang disertakan jawapan dan penerangan lengkap” (min = 4.65), di mana seramai 71.3% pelajar sangat setuju. Ini menunjukkan keperluan pelajar terhadap bahan bantu belajar yang bukan sahaja menyediakan soalan atau latihan, tetapi turut menyediakan contoh jawapan dan penjelasan secara terperinci. Modul seumpama ini mampu membantu pelajar mengenal pasti kesalahan sendiri dan memahami teknik menjawab dengan lebih baik.

Seterusnya, item “Saya memerlukan modul yang menekankan kosa kata yang sesuai untuk diaplikasikan dalam penulisan jawapan” mencatatkan min 4.61, dengan 60.6% sangat setuju. Keperluan terhadap perbendaharaan kata yang relevan dan bersesuaian amat penting untuk membantu pelajar menghasilkan jawapan yang betul, khususnya dalam konteks penulisan dan pemahaman teks. Selain itu, item “Saya memerlukan modul yang boleh digunakan untuk ulang kaji sendiri” juga mencatatkan min yang tinggi iaitu 4.53, mencerminkan keperluan pelajar terhadap bahan yang boleh dimanfaatkan secara fleksibel di luar waktu kelas.

Walaupun bagaimanapun, item yang mencatatkan min paling rendah ialah “Saya memerlukan panduan cara menulis ayat Bahasa Arab mudah” dengan nilai 4.34, walaupun masih dalam julat tinggi. Ini berkemungkinan disebabkan oleh pelajar menganggap kemahiran membina ayat mudah sudah dikuasai sebahagiannya, atau mereka lebih memberi keutamaan kepada penulisan karangan dan tatabahasa berstruktur berbanding ayat asas. Item “Saya memerlukan latihan interaktif dalam modul” juga mencatatkan min yang sedikit rendah (4.37) berbanding item lain, meskipun 53% pelajar sangat setuju. Hal ini menunjukkan latihan berbentuk interaktif dianggap penting, namun tidak sepenting modul yang disertakan jawapan, panduan langkah demi langkah, dan sokongan kosa kata.

Jadual 3: Taburan responden mengikut tahap keperluan modul Bahasa Arab

Tahap Keperluan Modul	Frekuensi	Peratus (%)	Nilai Min	Sisihan Piawai
Rendah (1.00 – 2.33)	2	0.8	4.566	0.490
Sederhana (2.34 – 3.67)	8	3.2		
Tinggi (3.68 – 5.00)	241	96.0		
Jumlah	251	100.0		

Sumber: Data Soal Selidik 2025

Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap modul yang bersifat ringkas, padat dan efektif, terutamanya dari segi penyediaan panduan penulisan, penekanan kosa kata dan penjelasan jawapan yang lengkap. Keperluan-keperluan ini memberi petunjuk jelas bahawa bahan bantu belajar yang dibangunkan perlu bersifat mesra pelajar, berfokus kepada teknik menjawab dan membina kefahaman, serta mudah digunakan secara sendiri. Ini selaras dengan matlamat program *Fast Track* yang menekankan keberkesanan pembelajaran dalam tempoh masa yang terhad.

Hasil kajian tahap keperluan modul Bahasa Arab ditunjukkan dalam jadual di atas. Hasil kajian menunjukkan 96.0 peratus atau 241 orang responden merasakan tahap keperluan modul Bahasa Arab yang tinggi. Manakala seramai 8 orang responden atau 3.2 peratus berpendapat tahap keperluan modul Bahasa Arab mereka adalah sederhana. Sementara hanya 2 orang responden atau 0.8 peratus lagi merasakan tahap keperluan modul Bahasa Arab adalah rendah. Faktor keperluan modul Bahasa Arab ini diukur menggunakan lima pilihan skala jawapan daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi faktor keperluan modul ini berada pada tahap tinggi ($M = 4.566$).

8.0 KESIMPULAN

Hasil analisis kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelajar Program Laluan Pantas (*Fast Track* SPM) mempunyai keperluan yang tinggi terhadap pembangunan modul Bahasa Arab yang bersesuaian dengan latar belakang, tempoh pembelajaran yang singkat dan tahap penguasaan semasa mereka. Keperluan ini sejajar dengan penemuan Nur Afifah et al. (2024) yang menekankan bahawa belum ada modul Bahasa Arab khusus untuk pelajar *fast track*, terutamanya mereka yang berasal daripada institusi tahfiz dan pondok yang kurang terdedah kepada pendekatan akademik secara formal.

Dalam konteks ini, analisis keperluan yang dilaksanakan adalah selari dengan pandangan Hutchinson & Waters (1987) serta Brown (2016) yang menyatakan bahawa analisis keperluan merupakan fasa penting dalam memastikan keberkesanan sesuatu bahan pembelajaran. Keutamaan pelajar terhadap modul yang menyediakan panduan langkah demi langkah, latihan berserta jawapan, serta penekanan terhadap kemahiran kosa kata dan karangan turut mengukuhkan dapatan kajian Abd Rahman et al. (2024) dan Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh (2021), yang menggariskan keperluan integrasi strategi pengajaran yang berstruktur, interaktif dan tidak membebankan pelajar.

Di samping itu, penekanan terhadap e-modul dan penggunaan teknologi seperti yang disarankan oleh Mohd Sukki Othman et al. (2023) dan Mohd Taqwudin Mohd Yazid et al. (2023) juga memberi perspektif baharu kepada pembinaan modul yang lebih fleksibel, mesra pengguna dan selari dengan Revolusi Industri 4.0. Maka, pembangunan modul yang berasaskan model sistematik seperti ADDIE perlu diteruskan untuk memastikan kandungan, pendekatan dan penyampaian modul benar-benar menyokong proses pembelajaran pelajar *fast track* secara efektif.

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja memberi gambaran jelas tentang keperluan pelajar, tetapi turut menjadi asas kukuh bagi pembangunan modul

Bahasa Arab yang lebih kontekstual, berkesan dan menyeluruh sejajar dengan matlamat Program Laluan Pantas yang menekankan pembelajaran intensif dalam masa yang terhad.

Penghargaan

Penghargaan kepada Akademi Lembah Ilmu yang menganugerahkan dana penyelidikan (PrIG 015/2024) untuk penyelidikan yang bertajuk Analisis Keperluan Pembinaan Modul Bahasa Arab Untuk Pelajar Fast Track.

Sumbangan Pengarang

Fadzil, N. A., Zainal Abidin, A., Wan Shahrudin, W. S. dan Abdul Gani, M. Z., terlibat secara kolektif dalam setiap peringkat penghasilan artikel ini, termasuk penyediaan pengenalan, perbincangan dan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, serta penyuntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abd Rahman, R., Alias, H., Zakaria, M. H., & Razali, N. W. N. (2024). Pembangunan Dan Kebolehgunaan Modul Bahasa Arab “Marhaban” Berteraskan CEFR (Tahap A1 & A2). *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 5(2), 55–69. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.2.4.2024>
- Ahmad, S., & Halim, N. (2021). *Pelaksanaan Program Fast Track di IPT: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal Pendidikan Malaysia.
- Brown, J. D. (2016). *The Elements of Language Curriculum: A Systematic Approach to Program Development*. Heinle & Heinle.
- Fathinah, N., Yusoff, A., & Zakaria, Z. M. (2024). Modul Pembelajaran Interaktif untuk Pengajaran Bahasa Arab Tahun 1 Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA): Satu Tinjauan Literatur. In *Al-Azkiyaa - International Journal of Language and Education* (Vol. 3, Issue 2, pp. 156–169). <https://azkiyaa.usim.edu.my/index.php/jurnal/article/view/81>
- Hutchinson, T., & Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach*. Cambridge University Press.
- Ibrahim, M. L., & Baharum, A. S. (2021). Kerangka pembentukan modul pengajaran bahasa al-Quran untuk masyarakat awam. In *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* (Vol. 6, Issue 1, pp. 482–494). <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.170>
- Ismail, A., Rahman, H., & Yusof, R. (2019). Cabaran Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Bahasa dan Linguistik*.

- Mohamad Rofian Ismail, & Muhammad Daoh. (2021). Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab Dari Aspek Model Dan Kaedah Pengajaran Modul. *In Selangor Humaniora Review* (Vol. 4, Issue 1, pp. 133–146).
- Mohammad Najib Md. Norani, Saipolbarin Ramli & Mohd Nor Adli Osman. (2023). Langkah Pembangunan Modul Bahasa Arab E-Ta'Am Bagi PdP Menggunakan Teks Hadith Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Di Sekolah Rendah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*.
- Mohd Noor, M., & Zawawi, Z. (2020). Modul Pembelajaran Berasaskan Keperluan Pelajar: Satu Analisis Teoritis. *Jurnal Kurikulum Malaysia*.
- Mohd Puzhi Usop. (2007). Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah: Satu Analisis Dan Penilaian. *Tesis Dr. Falsafah*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd Puzhi & Mohamad Seman. (2010). *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Mohd Sukki Othman, Muhd Zulkifli Ismail, Mohamad Hussin & Khairul Asyraf Mohd Nathir. (2023). Pembangunan dan Kebolegunaan Aplikasi E-I 'jāz Dalam Pembelajaran Kosa Kata Arab. *Journal of Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 10(1), 57–70.
<http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/252%0Ahttp://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/download/252/172>
- Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid, Wan Muhammad Wan Sulong, Nik Farhan Mustapha, & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2023). Potensi e-Modul dalam Pembelajaran Bahasa Arab pada Era Globalisasi. In *Innovative Teaching and Learning Journal* (Vol. 7, Issue 1, pp. 1–11).
<https://doi.org/10.11113/itlj.v7.97>
- Nasohah, U. N. & Abd Ghani, M. I. (2015). Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas Di Universiti. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT 2015, 2021*(February), 1–6.
- Nurul Anisa Abdul Aziz, & Zarima Mohd Zakariaa. (2024). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran aktif Bahasa Arab tahun empat sekolah rendah. In *Jurnal Afaq Lughawiyyah* (Vol. 2, Issue 24).
- Nur Afifah Fadzil. (2016). Kesahan Modul Bahasa Arab Menerusi Al-Quran. Disertasi Fakulti Pengajian Islam.
- Nur Afifah Fadzil, Wan Syatirah Wan Shahrudin, Muhamad Zamri Abdul Gani dan Maryam Md Rofiee (2024). Pembangunan Modul Bahasa Arab Untuk Program Laluan Pantas: Tinjauan Literatur Dalam Konteks Malaysia (Developing Arabic Language Modules for Fast-Track Programs: A Literature Review in the Malaysian Context). *Jurnal Kesidang*, 9(1), 158–167.
- Rahman, N. A., Jamal, S., & Latif, H. (2022). *Keperluan Modul Bahasa Arab dalam Program Intensif: Satu Kajian Kes*. Prosiding Seminar Pendidikan Bahasa.
- Yazid, M. T. M., Sulong, W. M. W., Mustapha, N. F., & Jabar, M. A. A. (2024). Keperluan Membangunkan Modul Elektronik Bagi Pembelajaran Bertutur Bahasa Arab. In *Afaq Lughawiyyah* (Vol. 2, Issue 2, pp. 377–397).